

Soalan 7

APAKAH YANG ANDA HARUS LAKUKAN APABILA INGIN MEMBELI SEBUAH RUMAH/TANAH KOSONG?

Semak dahulu dengan Majlis Daerah Koteroh nama yang didaftar dan tunggakan yang masih ada bagi rumah/tanah tersebut untuk mengelakkan anda menyesal di kemudian hari. Seksyen 146, Akta 171, menegaskan bahawa semua cukai (termasuk tunggakan) adalah menjadi tanggungjawab pemilik pada masa itu untuk menjelaskannya.

Anda dinasihatkan supaya menyemak dahulu perkara ini dengan peguam atau agen pengurusan yang menguruskan urusan harta tersebut untuk menentukan tunggakan telah dijelaskan oleh pemilik sebelumnya.

Soalan 8

JIKA ANDA TELAH MENUKAR MILIK / MENJUAL / MEWARISI RUMAH/HARTA, APA PERLU ANDA BUAT?

Beritahu kepada Majlis Daerah Koteroh dengan mengisi Borang I/Borang J dan lain-lain yang berkenaan dalam tempoh 3 bulan selepas pindahmilik dilakukan. Jika gagal, pihak Majlis Daerah Koteroh boleh mengambil tindakan mahkamah termasuk mengenakan denda sehingga RM2,000/- atau penjara 6 bulan atau kedua-duanya sekali mengikut Seksyen 160(6) Akta 171.

Soalan 9

JIKA RUMAH ANDA KOSONG (TIDAK DIDIAMI) BOLEHKAH ANDA MENDAPATKAN PELEPASAN CUKAI?

Cukai ke atas harta anda boleh dikurangkan dengan syarat anda memberi notis secara bertulis kepada Majlis Daerah Koteroh mengenai kekosongan itu. Anda juga perlu memberitahu Majlis Daerah Koteroh jika bangunan tersebut telah diruntuhkan atau diubah ke tapak lain atau dimusnahkan oleh kebakaran, angin ribut atau sebab-sebab lain.

Soalan 10

JIKA ANDA TIDAK MAMPU, BAGAIMANA UNTUK MENJELASKAN CUKAI?

Majlis Daerah Koteroh akan menimbangkan bayaran untuk dibuat secara ansuran. Untuk itu, anda dinasihatkan datang sendiri ke Pejabat Majlis Daerah Koteroh untuk membincangkan perkara ini dengan pegawai yang berkenaan. Pihak Majlis Daerah Koteroh juga bersedia untuk menyelesaikan masalah-masalah anda yang lain mengenai Cukai Pintu/Taksiran.

Sebarang masalah boleh dikemukakan kepada Pejabat Majlis Daerah Koteroh.

**Bahagian Penilaian & Perkhidmatan Harta
MAJLIS DAERAH KOTEROH
TEL : 09-7886112, 09-7887267
FAX : 09-7886031**

Pada waktu-waktu berikut:

Ahad hingga Rabu

8.00 pagi - 1.00 tengahari
2.00 petang - 4.45 petang

Khamis

8.00 pagi - 1.00 tengahari
2.00 petang - 4.30 petang

Soalan 11

BERAPAKAH KADAR YANG DIKENAKAN?

Kadar yang dikenakan adalah berbeza mengikut kawasan dan jenis kegunaan bangunan tersebut sebagaimana yang tercatat di dalam bil anda.



**MAJLIS DAERAH KOTEROH
16450 KOTEROH
KELANTAN**



**BAGAIMANA UNTUK
MENYELESAIKAN MASALAH
PEMBAYARAN CUKAI
TAKSIRAN/CUKAI PINTU ANDA?**

Soalan 1

APAKAH ITU CUKAI TAKSIRAN/CUKAI PINTU/CUKAI BANDAR?

Cukai Taksiran/Cukai Bandar ialah cukai yang dikenakan ke atas pegangan berkadar seperti:-

- ▶ Rumah Kediaman
- ▶ Harta Perusahaan (Kedai, Kilang, Hotel dsb)
- ▶ Tanah Kosong

yang terletak di dalam kawasan Majlis Daerah Ketereh.



Soalan 2

BAGAIMANA IANYA DIBAYAR?

Cukai Bandar/Taksiran dibayar 2 kali setahun iaitu:
1/2 tahun pertama mulai 1hb. Januari dan
1/2 tahun kedua mulai 1hb. Julai

Walau bagaimanapun bayaran untuk tempoh satu tahun penuh boleh dilakukan di kaunter bayaran Majlis Daerah Ketereh.

Waktu terima bayaran

Ahad hingga Rabu

8.00 pagi - 1.00 tengahari
2.00 petang - 4.15 petang

Khamis

8.00 pagi - 1.00 tengahari
2.00 - 4.00 petang

Soalan 3

APAKAH TINDAKAN TERHADAP ANDA JIKA TIDAK MENJELASKAN CUKAI DALAM TEMPOH TERSEBUT?


Notis (Borang E) akan dikeluarkan kepada anda. Anda dikehendaki menjelaskan dalam masa 15 hari daripada tarikh notis. Denda sebanyak 1% daripada baki tunggakan akan dikenakan kepada anda mengikut seksyen 147 (1), Akta 171.

Seandainya masih gagal, waran tahanan akan dikeluarkan kepada anda. Waran ini membolehkan Majlis Daerah Ketereh menahan barang-barang yang ada di dalam bangunan atau menutup bangunan daripada menjalankan operasinya atau meelong bangunan/tanah melalui Pendaftar Mahkamah Tinggi mengikut Seksyen 151. Bayaran waran sebanyak 10% juga akan dikenakan.

Soalan 4

BAGAIMANA UNTUK MENGELOKKAN DARIPADA KENA DENDA ATAU TINDAKAN MAHKAMAH

Bayar segera sebelum 28hb. Februari atau 31hb Ogos pada tiap-tiap tahun.



Soalan 5

APA YANG PERLU ANDA LAKUKAN JIKA BIL-BIL TIDAK DITERIMA?

Datang sendiri ke Pejabat Majlis Daerah Ketereh (Bahagian Penilaian) untuk mendapatkan bil-bil tuan/puan. Bawakan bersama maklumat-maklumat seperti berikut:

- Lot/No. Rumah dan kedudukan harta
- No. Akaun (jika ada) atau
- Bawa bil lama untuk rujukan.



Soalan 6

JIKA ANDA HANYA SEORANG PENYEWA RUMAH / BANGUNAN TERSEBUT, APA YANG HARUS ANDA LAKUKAN?

Anda boleh mengemukakan bil-bil ini kepada pemilik untuk bayaran segera. Jika pemilik gagal untuk menjelaskan cukai tersebut, harta anda di dalam bangunan itu akan ditahan. Oleh itu anda boleh melindunginya dengan membayar sewanya kepada Majlis Daerah Ketereh sehingga tunggakan dijelaskan. Peruntukan Seksyen 151 (6) 171, Kerajaan Tempatan melindungi anda.